

Headline	Peninggalan Wasiat kepada Waris		
MediaTitle	Wanita		
Date	07 Aug 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	31,804
Page No	192	Readership	161,780
Language	Malay	ArticleSize	490 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,326
Frequency	Monthly	PR Value	RM 15,978



UNDANG? wanita



Personal
ADILLAH NORDIN
B.H. (1996)
Nottingham
University
Barrister-At-Law
(Middle Temple
(London))

Meninggalkan Wasiat kepada Waris

Jawapan

Alhamdulillah dan tahmiah kerana puan dan suami telah terpilih untuk menunaikan ibadat Haji tidak lama lagi.

Sememangnya kita semua perlu membuat persediaan dan perancangan berkenaan dengan harta dan simpanan walaupun kita masih muda, dan tidak kira sekiranya kita akan menunaikan Haji ataupun tidak. Telah banyak saya lihat anak-anak yang tidak tahu arah tuju apabila ayah dan ibu pergi secara mengejut. Sekiranya puan dan suami ingin melindungi hak anak-anak, adalah perlu membuat persediaan awal dengan membuat wasiat.

Saya nasihatkan puan membuat senarai kesemua harta, aset dan simpanan yang telah puan dan suami peroleh setakat ini seperti berikut:-

- Rumah / Hartanah
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP/EPF)
- Amanah Saham (ASB/ASN/ASW)
- Akaun Tabung Haji
- Akaun-Akaun Bank
- Saham-Saham
- Insurans
- Kereta

Bagi KWSP, Akaun Tabung Haji dan Insurans, puan dan suami boleh mendaftarkan nama anak-anak puan sebagai nominee atau benefisiari supaya sekiranya apa-apa berlaku kepada puan



atau suami, wang yang terkumpul akan dibayar terus kepada anak-anak. Puan hanya perlu pergi ke pejabat KWSP, Lembaga Tabung Haji dan syarikat Insurans yang berkenaan dan mengisi borang yang disediakan.

Bagi rumah, hartanah, harta dan aset yang lain, puan dan suami boleh membuat wasiat untuk mewariskan setiap harta kepada anak-anak mengikut hasrat dan kehendak masing-masing. Pilihlah seorang ahli keluarga yang rapat, atau anak yang sulung sebagai Pemegang Amanah untuk menjalankan tugas sebagai Pentadbir Harta untuk menguruskan harta dan aset apabila kita tiada lagi. Sebagai seorang Islam, pembahagian harta dan aset adalah mengikut pengiraan Fara'id apabila kita sudah tiada melainkan sekiranya waris-waris kesemuanya setuju supaya harta dan aset

Soalan:

Insha-Allah, saya dan suami akan menunaikan Haji pada tahun ini. Adakah perlu saya membuat wasiat untuk anak-anak dan apakah langkah-langkah yang perlu saya ambil untuk membuat wasiat? Kami mempunyai tiga orang anak, dua lelaki dan seorang perempuan, kesemuanya sudah berusia lebih 18 tahun. Saya pernah mendengar bahawa bagi orang Islam, hanya 1/3 harta sahaja yang boleh diwasiatkan. Apakah nasihat puan?

Terima kasih,
Halimah

dibahagikan mengikut hasrat arwah si mati mengikut wasiat. Sekiranya ada waris yang tidak setuju, hanya 1/3 dari jumlah harta dan aset yang boleh dibahagikan mengikut hasrat seperti di dalam wasiat. Selebihnya hendaklah dibahagikan mengikut pengiraan Fara'id.

Saya nasihatkan Puan untuk berjumpa dengan seorang peguam untuk mendapatkan nasihat selanjutnya. Peguam akan dapat membantu Puan untuk menyediakan wasiat dan dokumen-dokumen lain supaya hak anak-anak dapat dilindungi dengan sempurna. Wasiat tersebut perlu dibuat secara bertulis dan perlaksanaannya perlu disaksikan dengan sempurna. Bawalah senarai aset yang telah puan dan suami catatkan tadi berserta dengan salinan dokumen-dokumen harta yang berkenaan seperti geran tanah, buku akaun, ASN, ASB, Tabung Haji dan sebagainya. Puan juga perlu memberikan kepada peguam sesalinan kad perigenalan puan, suami dan anak-anak untuk rujukan peguam.

Selamat menunaikan ibadat Haji dan saya doakan puan dan suami dikurniakan dengan Haji yang mabrur. Wasalam.

Sila hantar masalah anda ke alamat:
ADILLAH AHMAD NORDIN
Atau e-mel: adillah@adillahnordin.com
atau wanitauksb@gmail.com.